

HARI : SABTU  
TARIKH : 28/12/2019  
M/SURAT : 5

## LPP teroka penanaman elak bergantung negara luar

Kuala Lumpur: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan meroka potensi perusahaan tanaman bawang merah bagi membantu mengurangkan kebergantungan kepada negara luar hingga berlaku krisis bekalan ketika ini.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman, berkata bawang merah mempunyai potensi berdasarkan permintaan tinggi hingga negara perlu membawa masuk bekalan dari India, Thailand, Filipina dan Pakistan.

Katanya, Bahagian Pengeluaran Ladang LPP akan membuat kajian mengenai yang perlu dilakukan dalam menentukan lokasi bersesuaian, selain pemilihan benih berkualiti dengan nasihat Jabatan Pertanian yang berpengalaman laksanakan projek sama.

"Penanaman bawang merah perlu dilakukan di kawasan terbuka, tidak boleh bernaung di bawah pokok selain cuaca panas seperti di India yang menjadi pembekal utama di pasaran dunia termasuk ke Malaysia.

"Ia juga terdedah kepada serangan penyakit selain mencari kaedah penanaman sesuai untuk mengurangkan kos.

"Kita tidak boleh menanam pada kos tinggi bagi membolehkan ia dijual dengan harga berpatutan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Masalah kekurangan bekalan bawang merah India di negara ini dikesan berlaku sejak September lalu yang diperkayai susulan larangan eksport negara itu.

Mazlan berkata, Jabatan Pertanian pernah melaksanakan projek perintis tanaman bawang merah berskala besar di Mersing, Johor pada 1990-an bagi mengurangkan kebergantungan import, namun menemui kegagalan.



**Kita tidak boleh menanam pada kos tinggi bagi bolehkan dijual dengan harga berpatutan.**

*Mazlan Aliman,  
Pengerusi LPP*